

B A B I

Pendahuluan

A. Latar Belakang Masalah Kajian.

Perdebatan dan perbezaan pendapat merupakan unsur semulajadi dalam sejarah manusia. Demikian pula dalam Islam, hal ini menjadi satu aspek yang tak mungkin dipisahkan dari sejarah itu sendiri. Bahkan perdebatan dan perbezaan pendapat ini menjadikan Islam itu agama yang dinamis, *flexible* dan tidak jumud atau *static*.¹

Perdebatan dan perbezaan pendapat dalam Islam meliputi berbagai permasalahan agama, baik akidah, syariah, falsafah, tasawuf dan lainnya. Namun seperti yang dinyatakan oleh Muḥammad Abū Zahrah (1898 - 1974 M), bahawa perbezaan-perbezaan yang terjadi di kalangan ummat tidaklah menyentuh permasalahan asas atau *lub al-ḍīn*. Dengan kata lain perbezaan ini hanyalah terjadi dalam masalah *furū'* sahaja.² Meskipun demikian sering kali permasalahan *furū'* ini telah menjadi masalah asas dengan lahirnya sikap kafir mengkafir antara satu golongan dengan golongan lain.

Walaupun dalam sejarah Islam perbezaan pendapat ini lebih banyak menyentuh masalah-masalah syariah, yang membicarakan sebab-sebab timbul

¹ Jāhā Jabir al- Alwānī (1994), *The Ethics Of Disagreement in Islam*, Virginia, USA : IIIT., h.13

² 'Abū Zahrah, Muḥammad (tt), *Tarikh, al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Kaherah : Dar al-Fikr.,h. 11.

berbagai macam mazhab fikah dan metode yang dipergunakan oleh setiap mazhab dalam menetapkan hukum, namun sebenarnya perbezaan dalam aspek pemikiran memiliki posisi yang lebih sensitif dan penting dalam kehidupan masyarakat. Hal ini dapat dilihat bahawa dalam sejarah Islam perdebatan di dalam bidang ini membawa kepada kesan yang lebih berbahaya dan mengakibatkan terjadinya kafir mengkafir, sesat menyesatkan bahkan pertumpahan darah di antara golongan - golongan yang berselisih.

Dalam perdebatan dan perbezaan pendapat di bidang pemikiran ini akhirnya melahirkan berbagai aliran baik tasawuf, ilmu kalam dan lainnya. Khususnya di bidang pemikiran teologi atau ilmu kalam³ perbezaan pemikiran dalam bidang ini melahirkan beberapa golongan seperti : *Khawārij*,⁴ *Syī'ah*,⁵

³ Di katakan Ilmu kalam kerana pada awalnya ilmu ini didasari oleh perdebatan di antara dua kelompok ummat Islam berkenaan dengan qadim atau hadithnya "*Kalam Allah*". Perdebatan ini memakan waktu yang panjang dan telah beralih dari isu teologi kepada isu politik sehingga banyak mengorbankan nyawa, menumpahkan darah atau memenjarakan orang yang tak bersalah seperti Imām *Ibn H̄anbal* dalam peristiwa *mihnah*.

⁴ *Khawārij* adalah kelompok yang timbul setelah peristiwa *taḥkīm* (arbitration) di antara 'Ali dan Mu'awiyah. Pada awalnya kelompok ini berada di pihak 'Ali dan tidak bersetuju dengan *taḥkīm* yang dicadangkan oleh 'Amru bin 'Ās. Pada sisi lain mereka berpendapat bahawa *taḥkīm* adalah kebudayaan jahiliah. Oleh itu siapa sahaja yang bertahkim halal darahnya dan mesti dibunuh.

⁵ *Syī'ah* pada mulanya hanyalah merupakan satu aliran politik yang membela 'Ali dan berkeyakinan bahawa hak khalifah atau imamah itu hanya pada keturunan Rasulullah (*Ahl. Al-Bayt*), iaitu keturunan Fatimah dan Ali. Namun pada akhirnya kelompok ini beralih daripada aliran politik kepada aliran teologi (kalam) yang banyak membahas masalah-masalah akidah. Di antara beberapa pokok pemikiran Syiah adalah masalah *imāmah* dan *taqiyah*. Dalam masalah Imamah, mereka beranggapan bahawa keturunan Rasul SAW sahaja yang berhak menjadi khalifah, khususnya 'Ali dan anak cucunya. Bahkan ada kelompok melampau (*extreme*) dari Syiah sampai kepada kesimpulan bahawa Abu Bakar, Umar dan Uthman adalah kafir, kerana telah merampas hak 'Ali selaku ... khalifah. Lebih jauh dari itu ada kelompok yang lebih melampau lagi beranggapan kalau sebenarnya 'Ali lebih layak menjadi Rasul dari Muhammad S.A.W. Konsep Imamah ini pula nantinya akan melahirkan pembicaraan tentang Imam yang dua belas, Imam yang dinantikan (*al-Imām al-Muntazar*), Imam yang tersembunyi (*al-Imām al-Ghāib*), Pernyataan bahwa Imam tak berdos (*Ma'sūm*) dan lainnya. Sementara *taqiyah* adalah penyembunyian keimanan dalam keadaan terpaksa dan untuk menyelamatkan diri. (Aḥmad Amin (1965), *Duhā al-Islām* : Kaherah : Dar al-Fikr, h. 165). Akan tetapi pada akhirnya *taqiyah* bukan menyembunyikan keimanan, akan tetapi menyembunyikan fahaman Syiah apabila berhadapan dengan kelompok lain.

Mu'tazilah,⁶ dan *Ahl al- Sunnah*.⁷ Setiap kelompok ini memiliki pemahaman tersendiri dalam menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an khasnya yang menyentuh masalah ini berdasarkan akal, dan kepentingan kelompoknya.

Minangkabau dikenali sebagai serambi Makkah dan juga salah satu pusat Islam di Nusantara. Daerah ini pernah menjadi tempat perdebatan antara dua golongan besar iaitu : Kelompok *traditionalist* yang dikenal dengan *Kaum Tua* dan golongan *modernist* lebih dikenal dengan *Kaum Muda*. Perdebatan kedua kelompok ini menyentuh berbagai-bagai masalah pemikiran dalam Islam, baik akidah, pembaharuan maupun syariah yang sampai saat ini masih lagi meninggalkan kesan dalam kehidupan beragama di tengah-tengah masyarakat.

Sebenarnya perdebatan antara Kaum Tua dan Kaum Muda bukan hanya terjadi di Minangkabau, bahkan di seluruh tanah Melayu. Hanya sahaja perdebatan tersebut di Minangkabau lebih muncul ke permukaan kerana

⁶ *Mu'tazilah* adalah kelompok yang terlahir akibat perdebatan Hasan al-Basri dan muridnya Wasil bin 'Ata' berkenaan dengan masalah pelaku dosa besar (*mu'takib al-kabirah*). Menurut Wasil pelaku dosa besar tidak mukmin akan tetapi juga tidak kafir. Mereka tidak layak masuk ke dalam surga akan tetapi tidak mungkin masuk ke dalam neraka. Untuk itu mereka akan di tempatkan di satu tempat di antara surga dan neraka (*manzilah bayna manzilatayn*). Pokok ajaran Mu'tazilah adalah : *Al-Tawhid, al-'Adl, Wa'ad wa al-Wa'id, Amr bi al- Ma'ruf wa nahy 'an al-Munkar, Manzilah bayna al-Manzilatayn*.

⁷ *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* juga satu kelompok yang timbul akibat perdebatan Hasan al-Asy'ari (873-935 M) dan guru yang juga ayah tirinya al-Jubā'ī berkenaan dengan masalah budak-budak yang meninggal dunia. Apakah mereka masuk ke dalam surga atau tidak. Aliran ini disebut dengan aliran *al-Mutawassitah* kerana memberikan kedudukan akal dan wahyu pada posisi yang sebenarnya dan memadukan antara *kasf* dan *ikhtiyār*. Di samping al-Asy'ari, Abu Mansūr al-Maturidi juga banyak mempengaruhi aliran ini. Akan tetapi sebenarnya kata *Ahl al-Sunnah* itu telah ada jauh sebelum muncul aliran ini khususnya dalam hadis Rasul SAW yang menyatakan bahawa *Ahl al-Sunnah* adalah orang yang berpegang teguh dengan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*.

pengaruh Kaum Tua dan Kaum Muda di daerah ini berimbang dan saling mempengaruhi.⁸

Hal ini berbeza dengan yang terjadi di Malaysia, Brunei dan Singapura⁹ di mana fahaman Kaum Muda masih merupakan fahaman minoriti dan cenderung dilarang, sehingga perdebatan antara kedua kelompok ini kurang muncul dalam fenomena kehidupan. Meskipun demikian bukan berarti fahaman ini tidak berkembang, sebab sejarah Islam di Malaysia membuktikan ada beberapa ulama yang pernah mengembangkan pemikiran seperti ini, di antaranya Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hādī, dan Syeikh Abū Bakar al-Asy'ārī.¹⁰ Namun sistem perlembagaan negara di Malaysia¹¹ telah menetapkan *Ahl al- Sunnah wa al- Jama'ah* menjadi satu-satunya mazhab akidah dan *fiqh al- Syāfi'i* mazhab rasmi dalam masalah fikah. Hal ini menjadikan fahaman Kaum Muda yang cenderung tidak terikat pada satu mazhab fikah tidak sahaja akan berlawanan dengan fahaman masyarakat namun juga akan berdepan dengan perlembagaan negara.

⁸ John Obert Voll (1984), *Islam Continuity Change in Modern World, USA* : West View Press, Inc., h. 229.

⁹ Ada pengecualian khasnya di Singapura mengingat perserikatan Muhammadiyah yang merupakan satu bentuk dari kelompok kaum muda sekarang kian rancak berkembang. Hal ini dapat dilihat dari lembaga-lembaga pendidikan dan sosial yang dimiliki berkembang dengan baik. Kini pejabat pusat Muhammadiyah berada di jalan Selamat, Singapura.

¹⁰ Mohd. Yaakob, Zulkifli Haji Yusof (1990), " Pengaruh Pemikiran Muhammad Abduh Dalam gerakan Islam di Malaysia ", dalam Mohd. Kamil Abd. Majid (ed), *Tokoh-tokoh Pemikir Dakwah*, Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Islam., h. 103.

¹¹ Ada pengecualian pada Negeri Perlis yang dalam masalah fikh tidak terikat pada satu mazhab seperti termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis Bhg 2 di bawah tajuk Agama Rasmi. Undang-Undang ini digubal pada 26 hb Mac 1959.

Pada sisi lain keadaan masyarakat yang *homogen*¹² di Minangkabau membuka ruang perdebatan dalaman (internal) ini semakin tajam. Hal ini seperti dikatakan HAMKA, bahawa akibat tidak adanya agama selain Islam yang berkembang di Minangkabau maka perdebatan tentang faham-faham yang berbeza dalam Islam khasnya masalah *furū'* begitu terasa dan tampak di tengah-tengah masyarakat.¹³ Ini berlainan dengan di Jawa dan Batak, sebab di kedua daerah ini agama Kristian telah berkembang sehingga pemuka-pemuka Islam yang terdiri dari berbagai-bagai aliran bersatu padu menangkis pengaruh ajaran-ajaran agama lain dan memperkecil konflik dalaman.¹⁴

Perdebatan yang terjadi antara kaum tua dan kaum muda di Minangkabau ini, khasnya dalam masalah-masalah pemikiran Islam menimbulkan pernyataan saling menyalahkan di antara dua kelompok tersebut. Kaum muda menganggap pemikiran di bidang tasawuf seperti amalan tarekat adalah *bid'ah* dan amalan tawassul, wasilah dan rabihat adalah khurafat dan syirik. Pada sisi lain, ijihad dan pemikiran

¹² Makna *homogen* di sini adalah keadaan di Minangkabau yang hanya memiliki satu suku iaitu suku minang, satu agama iaitu Islam, dan satu bahasa, bahasa Minangkabau. Berbeda dengan Aceh, yang masih mempunyai bahasa dan kelompok lain yang satu sama lain berbeda. Demikian pula halnya dengan tanah Batak di Sumatera utara yang terdiri dari berbagai-bagai kelompok seperti : Batak Toba, Batak Karo, Batak Simalungun, Mandailing dan lainnya. Setiap bahagian dari suku Batak memiliki bahasa yang berbeza dan agama yang berbeza-beza pula.

¹³ HAMKA (1966), *Kenang-kenangan Hidup*, Kuala Lumpur : Pustaka Antara., h.49.

¹⁴ Hal ini dapat di lihat dalam sejarah Islam di Sumatera Utara, di mana Muhammadiyah yang disebut sebagai Kaum Muda berganding bahu dengan Al.Washliyah yang cenderung kepada Kaum Tua dalam mendirikan Zending Islam (Bahasa ini pada awalnya digunakan untuk kelompok tertentu dalam Kristian yang menyebarkan ajaran-ajaran agamanya. Dalam Islam di sebut dengan dakwah) untuk menandingi kekuatan Zending Kristian yang dibantu oleh Penjajah Belanda. Zending Islam ini berhasil mengIslamkan lebih dari 10.000 masyarakat Batak yang belum beragama (Jumlah ini diperolehi hasil penelitian penulis. Lihat, Saidul Amin (1994), " Peranan Al.Jam'iyatul Washliyah dalam mengembangkan Akidah Islamiyah di Kotamadya Pematang Siantar, Sumatera Utara ", Skripsi Sarjana Agama, Padang : Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Imam Bonjol Padang, h. 61

pembaharuan yang dibawa oleh Kaum Muda dianggap Kaum Tua sebagai fahaman sesat lagi menyesatkan.

Seperti telah dikemukakan di atas, di antara masalah yang menjadi perdebatan panjang antara Kaum Tua dan Kaum Muda adalah masalah tarekat, *rabi'ah*, *tawassul* dan *wasilah*, ijtihad serta pemikiran pembaharuan dalam Islam.

Kaum tua berpendapat bahawa tarekat merupakan amalan yang diajarkan oleh Rasulullah kepada sahabat-sahabat tertentu secara khas. Sebab tarekat ini bukanlah ilmu zahir yang dapat dipelajari semua orang. Dengan ungkapan lain ilmu ini hanya untuk orang-orang khas dengan mengikuti cara-cara yang khas pula.¹⁵ Maka wajarlah apabila ilmu tarekat tidak tersebar luas seperti ilmu syariah lainnya.

Sebagai bukti bahwa amalan tarekat ini memiliki pertalian dengan Rasulullah (SAW) dapat dilihat dari silsilah tarikat yang berkembang di Minangkabau, baik *Syattariyyah*, *Syamaniyyah* maupun *Naqsyabandiyah*, ketiganya berasal dari Rasulullah (SAW). Bezanya, apabila tarekat Naqasabandiyah melalui tangan Abu Bakar al-Siddiq, maka tarikat Syattariyyah dan Syammaniyyah melalui 'Ali bin Abi Talib.

Umumnya ulama-ulama Kaum Tua menyokong dan mengamalkan amalan tarekat sebab diyakini sebagai satu cara (*tariqah*) untuk

¹⁵ Makna mengikuti cara-cara yang khas di sini, ada beberapa amalan yang mesti dilakukan seseorang murid (ahli tarekat) seperti, suluk, zikir, *tawajjuh* dan lainnya.

mendekatkan diri kepada Allah dan merasakan kekhusyukan beribadah kepadaNya dengan cara yang lebih khusus.

Kaum Tua berpendapat apabila ibadah-ibadah itu hukumnya wajib maka jalan atau cara agar khusyuk dalam melakukan ibadah itu juga wajib. (*li al-wasā'il hukm al-Maqāsid*) Inilah dalil yang dijadikan landasan bagi Kaum Tua membolehkan amalan tarekat.

Sementara Kaum Muda tetap berperinsip tarekat bukanlah amalan Rasulullah SAW dan para sahabat. Sebab apabila Rasul bersifat *tablīgh*, maka tidak satupun ajaran Islam yang disembunyikan atau diajarkan kepada beberapa sahabat tapi tidak diajarkan pada sahabat yang lain. Jika ini berlaku maka hilanglah salah satu sifat kenabian iaitu "*tablīgh*" dalam diri Rasulullah SAW. Oleh itu dalam Islam tidak didapati adanya ilmu zahir dan ilmu batin, ilmu untuk orang awam dan ilmu untuk kalangan khas. Bahkan Islam juga tidak membezakan di antara satu individu dengan individu yang lain terkecuali hanya bergantung kepada ketakwaannya.

Kerana tarekat tidak memiliki dasar atau nas yang *qat'i* dalam Islam, maka perbuatan ini adalah bidaah¹⁶ yang sangat dicela dalam ajaran Islam seperti dinyatakan dalam salah satu hadis Rasul (SAW), iaitu :

¹⁶ Bidaah adalah perbuatan yang mengada-ada. Artinya dia tidak wujud dalam syari'ah Islam dan tidak memiliki nas yang sahih baik dalam al-Qur'an ataupun al-Sunnah. Maka perbuatan ini adalah perbuatan yang sesat dan setiap yang sesat ada dalam neraka. Lihat Jama'ah min Kibar al-

إِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ¹⁷

Dengan kata lain, Kaum Muda berprinsip, bahawa ibadah mestilah memiliki asas yang jelas seperti yang dinyatakan dalam kaedah *uṣūl al-fiqh* iaitu : *al-Aṣlu fi al- 'Ibādah al- Ittibā' wa al- Tarwqif*. Maknanya Ibadah itu hanya mencontohi apa yang telah dikatakan, diamalkan atau ditetapkankan oleh Rasul SAW.

Kaum Tua tidak menafikan tarekat ini sebagai amalan bidaah, namun mereka membahagi bidaah kepada beberapa tingkatan, iaitu : *bid'ah haqīqī*, seperti yang dinyatakan oleh Kaum Muda, dan *bid'ah lughawī*, atau bidaah hasanah. Ertinya tidak semua bidaah itu sesat sebab bidaah lughawi ini hanya secara lughah sahaja bidaah namun hakekatnya tidak. Maka inilah yang disebut *bid'ah ḥasanah* (bidaah untuk kebaikan).

Pernyataan Kaum Tua tentang bidaah *hasanah* dan *madhmumah* ini besar kemungkinan dipengaruhi oleh pembahagian bidaah yang dilakukan oleh Imam Syafii seperti dinyatakan oleh Abu Syamah al-Syāfi'ī (599 – 665 H),

Lughawiyin al-'Arab, (1984) *Al-Mu'jam Al-'Arābi Al-Asāsī*, Al-Munazamah Al-'Arābiyah li al-Tarbiyah wa al-Ṭhaqāfiyah wa al-Ulūm : Tunis , h.138.

¹⁷ Al-Imām Al-Ḥāfiẓ Abi al-'Alī Muḥammad 'Abd al-Raḥman bin 'Abd al-Raḥīm Al-Mubarikurī, *Tuhfah al- Akhwadhī*, *Syarh Jāmi' al-Turmidhī*, Madinah : Matba'ah Al-Ma'rīfah, Juz IV, h. 439. Lihat juga, Muḥammad Naṣr al-Dīn Al-'Ibānī (tt), *Sahīh Sunan Ibn-Mājah*, Beirut : Maktabah al-Islami, Juz I, h. 12. Al-Imām al-Nawāwī (1930), *Sahīh Muslim Bi Syarḥi al-Nawawī*, Beirut : Bar al-Kitab al-'Ilmiyah, Juz VI, h.153.

bahawa bidaah itu terbahagi kepada *mahmudah* dan *mazmumah*.¹⁸ Pada sisi lain Imām al-Baihaqī juga menisbahkan perkataannya kepada Imām Syafi'i bahwa apabila bidaah itu tidak berlawanan dengan *naş* maka ianya merupakan bidaah *ghairu mazmūmah* tapi bila bertentangan dengan *naş*, maka bidaah ini dikatakan dengan *bid'ah ḍalālah*.¹⁹

Pembahagian bidaah kepada *maḥmūdah* dan *mazmūmah* atau bidaah *ghair al-Mazmūmah* dan *ḍalālah* juga dibahas oleh Ibnu Ḥajar al-'Asqālānī,²⁰ walaupun dia tidak memberikan kriteria yang lebih jelas. Pembahagian bidaah selanjutnya dihuraikan ini secara lebih rinci oleh al-Syāṭibī²¹ dan juga 'Alī Maḥfuz.²²

Dari pendapat beberapa ulama di atas tentang bidaah dapat disimpulkan bahawa bidaah yang dapat diterima hanyalah perbuatan yang bukan bersifat asas atau pokok dalam ibadah dan ianya mestilah tidak bertentangan dengan nas (Al-Qur'an dan Sunnah).

Bagi Kaum Muda amalan tarekat itu tidaklah berdasarkan nas yang kuat oleh sebab itu perbuatan ini adalah *madhmūmah* dan sesat. Sementara itu bagi

¹⁸ Abū Syāmah al-Syāfi'i (1989), *al-Bā'ith 'alā inkāri al-Bidā' wa al-hawādith*, Cairo : Maktabah Ibn. Al-Sina., h. 35.

¹⁹ Hasbi Al-Shiddiqy (1980), *Kriteria antara Sunnah dan Bid'ah*, Johor Baru : Thinker's Library Sdn Bhd., h.52.

²⁰ Al-Asqālānī, Ibn- Ḥajar (tt), *Fath al-Bārī*, Cairo : Maktabah al-Kulliyat al-Azhāriyyah, Juz, XXVIII., h. 37

²¹ Al-Syāṭibī, Ibrahīm Ibn-Mūsā (1332 H), *Al- I'tisām*, juz II, Cairo., h. 36

²² 'Alī Maḥfuz (t.t.), *Al-Ibdā'*, Kaherah : Dar al-'Itisām, ., h. 30.

Kaum Tua menetapkan bahawa tarikat memiliki landasan dari nas maka ianya *mahmūdah*. Dan bidaah seperti ini merupakan bahagian dari amalan "*al-Sunnah*".²³

Perdebatan antara Kaum Tua dan Kaum Muda semakin tajam ketika mendiskusikan masalah rabitah. Bagi Kaum Tua, amalan ini sangat penting bagi seorang murid yang belum sampai ketinggian tinggi dimana ia mampu berhubungan dengan Allah secara langsung. Untuk itu dia memerlukan bantuan guru atau ruh guru sebagai perantara dalam ibadah sehingga ibadah itu benar-benar diterima oleh Allah. Secara sederhana rabitah adalah menghadirkan guru dalam fikiran seorang murid saat beribadah agar guru tersebut menjadi perantara kepada Allah.

Kaum Muda mengecam perbuatan ini kepada bidaah dan syirik. Sebab dalam ibadah Allah tidak memerlukan wakil atau perantara. Apabila Kaum Tua menyatakan rabitah bukan menyembah guru tapi menjadikan guru sebagai perantara maka amalan ini tidaklah jauh berbeda dengan yang dilakukan oleh para penyembah berhala di zaman jahiliyah.

Kemudian masalah yang tidak kalah pentingnya dalam perdebatan Kaum Tua dan Kaum Muda adalah masalah *tawaṣṣul* dan *wasīlah*.

²³ Hal ini dinyatakan oleh Syekh Mungka, salah seorang tokoh Ulama dari kaum Tua di Minangkabau. Dr. Sanusi Latief (1988), *Gerakan Kaum Tua di Minangkabau*, Jakarta : Desertasi Ph.D pada IAIN Jakarta,

Bagi Kaum Tua tidak semua orang boleh langsung berhubungan dengan Allah, disebabkan kebersihan jiwa, ilmu yang kurang atau iman yang belum sempurna. Untuk itu dia memerlukan orang lain yang memiliki kedudukan Iman Ilmu dan jiwa yang lebih bersih dari dirinya. Biasanya orang ini adalah guru-guru, syekh-syekh, orang yang dianggap wali Allah atau *al-Muqarrabūn*. Mereka ini dapat dijadikan wasilah kepada Allah, baik semasa mereka hidup ataupun telah meninggal dunia. Dengan perantaraan kesucian mereka inilah do'a dan ibadah diharapkan diterima oleh Allah SWT.

Seperti halnya rabitah kaum muda menganggap amalan ini bidaah dan syirik, sebab tidak mempunyai asas dalam agama. Dalam Islam ibadah adalah hubungan langsung antara *makhlūq* dan *khāliq* sehingga tidak dikenal adanya wasilah.

Bagi kaum Tuan pula amalan ini sebenarnya memiliki nas dalam al-Quran ataupun al-Sunnah dan pernah diamalkan oleh para sahabat Rasul SAW.

Hal lain yang menjadi perdebatan hangat antara Kaum Tua dan Kaum Muda adalah masalah *ijtihad*. Bagi Kaum Muda ijtihad merupakan hal yang penting mengingat banyaknya masalah yang berkembang di tengah-tengah kaum muslimin dan kes tersebut tidak disentuh di zaman Rasul SAW atau para

sahabat secara khusus kerana keadaan sosial dan budaya yang ada di daerah Islam yang baru. Pada kondisi seperti inilah ijtihad diperlukan.²⁴

Rasul S.A.W. sendiri sebelum wafatnya secara tidak langsung pernah memberi tunjuk ajar kepada beberapa orang sahabat berkenaan masalah ijtihad, di antaranya adalah Muāz bin Jabal ketika akan dihantar ke Yaman.

Setelah Islam terus mara berkembang sehingga meliputi daerah yang pernah dikuasai oleh Rom dan Parsi sering timbul berbagai masalah fikah yang belum tersentuh secara khusus pada masa Rasul S.A.W. Akan tetapi para sahabat tidak merasa sukar atau takut menghadapinya kerana Baginda Rasul S.A.W telah memberi latihan yang secukupnya kepada para sahabat semasa baginda masih hidup²⁵ dan mebenarkan para sahabat berijtihad.

Kaum Tua menolak ijtihad, bagi mereka pintu ijtihad telah tertutup semenjak tahun 600 Hijrah.²⁶ Maka apa yang ada dalam al-Quran, al-Sunnah serta perkataan sahabat dan imam-imam fikah khasnya Imam Syafi'i telah mencukupi. Ertinya ijtihad tidaklah diperlukan.

Kaum Tua juga mengecam masalah pembaharuan pemikiran Islam yang dicadangkan oleh Kaum Muda dan mematahkan hujjah - hujjah mereka .

²⁴ Haekal, Muhammad Husein (2001) *Umar bin Khattab*. Ali Audah (ter). Bogor : Pustaka Litera Antar Nusa, h. 739

²⁵ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1988), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur : Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h. 81

Kaum Muda berpendapat, berfikir secara jumud dan *taqlīd* mengakibatkan kaum muslimin tertinggal dari bangsa-bangsa lain pada akhirnya ummat Islam menjadi bangsa yang terjajah. Keadaan yang seperti ini mestilah diakhiri dengan melakukan pembaharuan pemikiran Islam seperti yang dilakukan oleh Ibn Taimiyah, Muḥammad bin 'Abd al- Wadhāb, Jamal al-Dīn al-Afghānī, Muḥammad 'Abduh dan Rasyid Riḍā. Ertinya, ummat Islam harus disedarkan dari tidur panjangnya dengan memperbaharui pemikiran mereka baik dari aspek Pemikiran Islam, akidah, syariah, politik dan lainnya sehingga ummat Islam menemukan jati dirinya sendiri.

Kaum Tua berpendapat pembaharuan pemikiran yang dilakukan oleh Kaum Muda justru membawa pada kesesatan dan bidaah. Sebab amalan seperti itu juga tidak dilakukan oleh Rasul SAW dan para sahabatnya. Bahkan Kaum Tua menuduh Muḥammad 'Abduh salah seorang tokoh pembaharuan pemikiran Islam adalah orang yang sesat, menyesatkan dan kafir.²⁷

Inilah yang menjadi pembahasan dalam disertasi ini, dengan harapan dapat dilihat secara jelas punca perdebatan itu dan dicari benang merah untuk dijadikan jalan keluar agar perdebatan klasik seperti ini tidak lagi menjadi barah dalam tubuh ummat Islam. Lebih penting lagi cabaran dan tentangan yang dihadapi hari ini jauh lebih penting dari perdebatan kelasik ini.

²⁶ Sanusi Latief, *Op-cit*, h. 620

B. Pokok Masalah Kajian.

Dalam pembahasan ini yang dijadikan pokok masalah kajian adalah :

1. Apakah yang dimaksud dengan Kelompok Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau ?
2. Permasalahan pemikiran Islam apa sahaja yang menjadi perdebatan di antara Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau ?
3. Apakah hujjah yang disampaikan Kaum Muda dan Kaum Tua dalam mempertahankan fahaman mereka ?

C. Hipotesis

Di Minangkabau telah terjadi perdebatan di kalangan Kaum Tua yang lebih dikenali dengan kelompok tradisional dan Kaum Muda atau kelompok modernis. Perdebatan ini menyentuh berbagai masalah agama seperti akidah, fikah, tasawuf dan pemikiran Islam seperti. Akan tetapi perbezaan dalam aspek pemikiran inilah yang dibahas dalam disertasi ini.

Perdebatan ini pada awalnya hanya menyentuh masalah furuk sahaja, akan tetapi kemudian beralih kepada masalah asas, sehingga timbul sikap sesat menyesatkan dan kafir mengkafirkan.

²⁷ Pernyataan ini dapat dilihat dalam, Syekh Muhammad Jamil Jaho, *Tazkirah al-Qulub*, yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia oleh HAMKA(1982), *Ayahku*, Jakarta : Ummida.,h.296.

Penyebab perdebatan ini sebenarnya hanyalah perbezaan dalam mengambil dan memahami nas sehingga menimbulkan hasil yang berlawanan.

Inilah salah satu misi dari disertasi ini, agar perdebatan klasik tersebut dapat difahami semua pihak dan mengajak masyarakat Islam untuk lebih menumpukan tentangan dan cabaran masa depan dari mengungkit dan mengulang sejarah lama.

D. Pengertian Tajuk dan Ruang lingkup Pembahasan

Agar pembahasan disertasi ini dapat terarah dengan baik dan menghindari terjadinya kesalahan dalam pengertian tajuk dan ruang lingkup pembahasan maka penulis menganggap penting untuk menuliskan satu bahagian yang khas membicarakan kedua aspek tersebut.

D.1. Pengertian Tajuk .

Perdebatan : Perdebatan berasal dari bahasa Inggeris , *Debate* bermakna *Formal discussion* . Dalam bahasa Malaysia kata debat diartikan dengan perdebatan atau pembahasan.²⁸Sementara dalam definisi yang biasa

²⁸ Dewan Bahasa dan Pustaka (1992), *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, Edisi Ringkas, Kuala Lumpur., h.243-244

digunakan, perdebatan diertikan dengan pertukaran fikiran di antara pihak yang bertentangan atau berbeza pendapat mengenai satu hal (pendirian, dan lainnya) dengan mengemukakan pendapat (alasan, dsb). Makna lain dari perdebatan adalah perbahasan atau perbantahan.²⁹ Adapun makna perdebatan dalam thesis ini adalah perbahasan dan perbantahan anantara dua kelompok yang memiliki pendirian yang berbeza tentang beberapa masalah yang setiap golongan tersebut mengemukakan alasan, hujjah dan pendirian masing-masing.

Kaum Tua : Kata " kaum " berasal dari bahasa Arab iaitu " *qawm* "

bermakna satu kelompok atau jemaah baik terdiri dari lelaki atau perempuan. Ada pendapat lain menyatakan bahawa kata kaum hanya dikhaskan untuk lelaki sahaja. Terlepas dari perbezaan ahli bahasa ini didapati bahwa asas dari kata kaum adalah kelompok atau jamaah.³⁰. Dari berbagai definisi dapat disimpulkan bahwa kata kaum bermakna puak, suku, bangsa, golongan dan generasi.

²⁹ Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : DBP Kementerian Pendidikan Malaysia., h. 259.

Sementara dalam disetasi ini Kaum Tua adalah golongan atau generasi tua di Minangkabau yang juga dikenal dengan golongan tradisional dengan ciri-ciri : Pemahaman akidah yang dianut berasaskan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* merujuk pada al-Asy'ari dan al-Maturidi. Sementara dalam pemahaman fikah mereka berpegang hanya pada mazhab *Syāfi'ī*. Ciri lain dari Kaum Tua biasanya mereka mengamalkan tarekat, tawassul dan wasilah, rabitah, talqin mayat dan kenduri kematian

Kaum Muda : Pengertian Kaum Muda dalam disertasi ini adalah

golongan kelompok atau generasi muda di Minangkabau yang dikenal dengan kelompok modernis dengan ciri-ciri pemahaman akidah berteraskan pada *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, dan pemahaman fikah tidak terikat pada satu mazhab. Ciri-ciri lain kelompok ini menentang tarekat, tawassul dan wasilah, serta rabitah, talqin mayat dan kenduri kematian. Pada sisi lain kelompok ini menyeru pada pembaharuan pemikiran Islam serta melakukan ijtihad dan menyerukan ummat islam untuk

³⁰ Ibn. Manzūr, Al-Imām al-'Allāmah Abī al-Faṣl Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukarrām (1956), *Lisān al-'Arāb*, juzu' 12, Beirut.,h. 505. Lihat juga, Muḥammad al-Adnānī (1989), *Mu'jam al-'Akhḫāṣ al-Lughawiyah al-Mu'aṣṣirah*, Beirut : Maktab Lubnan, h. 563.

beramal kepada apa yang dinyatakan oleh nas (al-Quran dan al-Sunnah) serta meninggalkan khurafat dan bidaah.

Dalam
Beberapa
Masalah
Pemikiran
Islam

: Pemikiran Islam dalam disertasi ini bermakna hasil pemikiran para cendekiawan/ulama berkenaan dengan masalah Islam. Kerana itu pembahasan dalam disertasi ini tidak menyentuh seluruh masalah pemikiran Islam dan juga tidak menyentuh masalah yang lain seperti fikah, tasawuf dan akidah secara langsung. Ertinya, perdebatan yang dibahas dalam disertasi ini hanya beberapa masalah yang menyangkut aspek pemikiran Islam sahaja, antara lain : Masalah tarekat, *rabiḥah*, *tawaṣṣul* dan *wasīlah*, ijtiḥad, dan pembaharuan pemikiran dalam Islam .

D.2. Ruang Lingkup Pembahasan.

Seperti yang telah digambarkan dalam pokok masalah kajian, maka pembahasan dalam disertasi ini hanya meliputi beberapa aspek sahaja, antara lain : Kaum Tua dan Kaum Muda meliputi sejarah dan kriterianya serta aspek-aspek yang memiliki hubungan kait dengan keduanya.

Kemudian dalam pembahasan ini juga akan dibahas secara terperinci perdebatan antara kedua kelompok ini khususnya dalam masalah-masalah akidah serta dalil-dalil dan hujjah-hujjah yang dipergunakan ke dua kelompok ini dalam mempertahankan faham yang dianut.

E. Tujuan Penyelidikan.

Penyelidikan ini memiliki beberapa tujuan antara lain :

1. Sebagai salah satu syarat untuk menyelesaikan Program Sarjana Usuluddin di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
2. Untuk menggambarkan secara terperinci perdebatan yang terjadi antara Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau dalam beberapa masalah Pemikiran Islam dan mencoba mencari penyelesaian dalam perdebatan tersebut agar menjadi pedoman untuk generasi kini dan akan datang serta menimbulkan sikap *tasamuh* dalam perbezaan-perbezaan fahaman dalam masalah-masalah agama khususnya masalah-masalah pemikiran Islam.
3. Sebagai satu sumbangan penulis untuk khazanah ilmu pengetahuan dalam Islam khususnya ilmu-ilmu usuluddin.

F. Metodologi Kajian

Secara umum Penyelidikan ini mempergunakan dua metodologi, iaitu :

1. Penyelidikan perpustakaan (*Library research*)

Maknanya dalam melakukan penyelidikan ini penulis merujuk pada buku-buku , surat kabar, dokumen-dokumen, dan naskhah-naskhah (*Manuscript*) yang memiliki hubungan kait dengan penyelidikan ini. Kesemua bahan-bahan tersebut penulis dapatkan di perpustakaan yang ada di Indonesia dan Malaysia.

2. Penyelidikan Lapangan (*Field Research*)

Dalam melakukan penyelidikan ini, penulis juga akan mengunjungi tempat-tempat bersejarah yang memiliki hubungan kait dengan penyelidikan ini (*observation*) seperti : Madrasah-madrasah, pondok-pondok, surau-surau suluk, dan melakukan wawancara dengan tokoh-tokoh kedua kelompok ini serta ulama-ulama yang memiliki pengetahuan luas dalam masalah ini.

Dari data-data yang dihimpun inilah penulis akan melakukan analisa (*analysis*) dan kajian untuk memberikan gambaran yang detail dan terperinci tentang masalah yang dibahas dalam disertasi ini.

G. Sistematika Pembahasan.

Pembahasan ini terdiri dari lima bab, yang setiap bab memiliki beberapa subbab.

Pada Bab I, seperti lazimnya sebuah disertasi, penulis memulainya dengan , Pendahuluan, berisikan latar belakang masalah kajian, pokok masalah kajian, pengertian tajuk dan ruang lingkup pembahasan, tujuan penyelidikan, metod penyelidikan, dan sistematika pembahasan.

Pada Bab II, penulis menguraikan tentang Minangkabau dan Islam . Bab ini berintikan beberapa topik, iaitu : Sejarah dan adat Minangkabau, Minangkabau sebelum Islam, masuknya Islam ke Minangkabau, dan pengaruh Islam terhadap adat Minangkabau.

Pada Bab III, penulis membahas masalah Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau, dengan beberapa topik : Sejarah penamaan Kaum Tua dan Kaum Muda, kriteria Kaum Tua dan Kaum Muda, dan beberapa ajaran pokok Kaum Tua dan Kaum Muda.

Pada Bab IV, penulis membahas masalah perdebatan Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau dalam beberapa masalah pemikiran Islam. Bab Ini berisikan beberapa topik antara lain : Tarekat yang meliputi, makna tarekat dan sejarahnya, sejarah tarekat di Minangkabau, ajaran-ajaran tarekat, dan pandangan Kaum Tua dan Kaum Muda tentang tarekat

Topik kedua membicarakan masalah rabitah yang berintikan, pengertian rabitah, tujuan rabitah, dan pandangan Kaum Tua dan Kaum Muda berkenaan dengan masalah rabitah,

Topik ketiga membincang masalah, tawassul dan wasilah yang berisikan, pengertian tawassul dan wasilah, tujuan tawassul dan wasilah, dan pandangan Kaum Tua dan Kaum Muda terhadap tawassul dan wasilah.

Pada topik keempat, penulis menguraikan masalah *ijtihad*, yang meliputi, makna (*ta'rif*) ijtihad, aspek-aspek yang dibolehkan berijtihad, dan pandangan Kaum Tua dan Kaum Muda tentang ijtihad.

Pada topik kelima, penulis membahas masalah pembaharuan pemikiran dalam Islam yang berisikan : Sejarah pembaharuan pemikiran dalam Islam, aspek-aspek yang disentuh oleh pembaharuan pemikiran dalam Islam dan pandangan Kaum Tua dan Kaum Muda tentang pembaharuan pemikiran dalam Islam

Pada bab V, Penulis menutup pembahasan ini. Bab ini berisikan, penutup, kesimpulan dan cadangan-cadangan.